

Olahragawan Terbaik: Joseph Schooling (renang)
Olahragawati Terbaik: New Hui Fen (bowling)
Atlit-Pelajar Terbaik Lelaki: Sheik Farhan Sheik Alau'ddin (silat)
Atlit-Pelajar Terbaik Perempuan: Lau Ywen (lawan pedang)
Jurulatih Terbaik: Eddie Reese (renang)
Pasukan Terbaik: Kanu (Wanita K2 500m) – Stephanie Chen & Geraldine Lee
Acara Sukan Terbaik (Setempat): Maraton Standard Chartered Singapura
Acara Sukan Terbaik (Antarabangsa): Ragbi Tujuh Sepasuk HSBC
Rencana Sukan Terbaik: 'No Big Deal? Such Sporting Deeds Deserve Retelling' oleh Rohit Brijnath daripada akhbar The Straits Times
Foto Sukan Terbaik: Danny Toh

Dorongan bagi Sheik Farhan sebelum aksi di Sukan SEA

► FAKHRURADZI ISMAIL
 mtismail@sph.com.sg

SUNTIKAN semangat yang juga menjadi 'penanda' bahawa beliau berada di landasan yang betul bagi mencatatkan lebih banyak kejayaan lagi.

Inilah juga yang dirasakan juara dunia silat berganda, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, selepas dinobatkan pemenang Anugerah Atlit-Pelajar Lelaki Terbaik di satu majlis gilang-gemilang Anugerah Sukan Singapura 2017 yang berlangsung di The Ritz-Carlton Millenia pada Selasa malam lalu.

Jaguh silat muda berusia 20 tahun itu mengatasi dua calon lain – Bernie Chin (kapal layar) dan Malcolm Lai (wushu) – untuk merangkul anugerah berprestij itu.

"Sebenarnya apa jua anugerah sekalipun, ia membawa pengertian yang besar bagi diri saya... jadi saya bangga dapat memenangi anugerah ini untuk keluarga saya dan juga untuk keluarga besar silat," ujar Sheik Farhan kepada *Berita Harian*.

"Ia menunjukkan bahawa (kejayaan silat) saya berada di landasan yang betul dan tentunya mendorong saya supaya mencapai lebih banyak kejayaan pada masa depan.

"Saya dan rakan lain semuanya kini berkobar-kobar mahu mencatatkan yang terbaik di Sukan SEA yang menjelang dan seperti dalam semua kejohanan yang saya sertai sebelum ini, matlamat saya tetap sama... menyasarkan pingat emas," tambahnya sambil merujuk kepada temasya sukan dwitahunan yang akan dibuka secara rasmi di Kuala Lumpur pada 19 Ogos ini.

Kejayaan Sheik Farhan sebagai pemenang anugerah ini tentu sekali bukanlah sesuatu yang mengejutkan.

Pada usianya, pesilat muda berbakat ini sudah pun bergelar juara dunia berganda.

Tahun lalu, Sheik Farhan mempertahankan gelarnya di Kejohanan Pencak Silat Dunia yang berlangsung di Bali apabila menjuarai pertandingan Kelas J (90-95kg).

Kejayaan itu menyusuli pencapaian cemerlangnya sebagai satu-satunya pesilat Singapura yang muncul juara di Kejohanan Dunia sulungnya di Phuket, Thailand, pada 2015.

Anugerah Atlit-Pelajar Perempuan Terbaik kali ini pula dimenangi atlit sukan lawan pedang berusia 17 tahun, Lau Ywen – yang menewaskan dua calon lain, Amabel Chua (bowling) dan Cindy Lim (wushu).



PENCAPAIAN DIKRIRAF: Sheik Farhan (dua dari kiri) menerima Anugerah Atlit-Pelajar Lelaki Terbaik daripada DPM Teo. Bersama dalam gambar ialah Encik Tan dan Cik Fu. – Foto SNOG

Berita Harian | Jumaat, 11 Ogos 2017

Sukan

Buat julung-julung kali dalam sejarah majlis anugerah ini yang diperkenal 49 tahun lalu ialah kehadiran kesemua lima atlit negara yang pernah memenangi pingat di temasya Sukan Olimpik – Joseph Schooling (emas renang, Olimpik Rio tahun lalu), Tan Howe Liang (perak angkat berat, Olimpik Rome 1960), Li Jiawei dan Wang Yuegu (perak dan gangsa tenis meja berpasukan, Olimpik Beijing 2008 dan Olimpik London 2012) serta Feng Tianwei (tiga pingat tenis meja dari Olimpik Beijing 2008 ke Olimpik London 2012).

Majlis anugerah kali ini, yang turut meraikan ulang tahun ke-70 Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOG), juga menyaksikan pelancaran buku bertajuk *Rings of Stars and Crescent* yang menyorot pencapaian sukan negara ini sejak tujuh dekad lalu.

Majlis diserikan kehadiran Timbalan Perdana Menteri (DPM) yang juga Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Encik Teo Chee Hean, sebagai tetamu terhormat.

Turut hadir Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga yang juga presiden SNOG, Encik Tan Chuan-Jin, dan Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Cik Grace Fu.